



**BAHAGIAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**MEMO ANTARA BAHAGIAN**

**Kepada : SEPERTI DI SENARAI EDARAN**

**Daripada : SUB (KW)**

**Salinan : KSU**

**TKSU (K)**

**TKSU (D)**

**TKSU (P)**

**Rujukan : KDN.400-1/9/6 ( 2 )**

**Tarikh : 10 NOVEMBER 2022**

**Perkara : PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENILAIAN (JKP) DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN PEROLEHAN KERAJAAN 7 (PK7) DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kewangan (KW) telah membuat penambahbaikan pelaksanaan Jawatankuasa Penilaian (JKP) di bawah Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan 7 (PK7) di Ibu Pejabat Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan mengeluarkan **Garis Panduan JKP** di Ibu Pejabat KDN yang berkuat kuasa pada **10 November 2022**.

3. Garis Panduan JKP di Ibu Pejabat KDN ini dikeluarkan bertujuan memberi panduan bagi pelaksanaan JKP di bawah PK7 dan mana-mana pekeliling yang mensyaratkan penilaian JKP tertakluk kepada syarat dan peraturan dalam pekeliling tersebut.

4. Sukacita bersama-sama ini dikemukakan Garis Panduan JKP di Ibu Pejabat KDN dan Watikah Pelantikan JKP untuk rujukan dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan selanjutnya. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada pegawai-pegawai Bahagian Kewangan (KW) seperti berikut:

Cik Siti Haslina binti Hashim

Talian Terus : 03-8886 3021  
Emel : sitihaslina@moha.gov.my

Puan Wan Izzati binti Mohamad

Talian Terus : 03-8886 3050  
Emel : wanizzati@moha.gov.my

5. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.



**(WAN SAIFULIKHMAL BIN WAN ABDUL RAHMAN)**

☎ (03) 8886 3153 ☐ wansaifulikhmal@moha.gov.my

## **SENARAI EDARAN**

KETUA PASUKAN NUKLEUS SBA

SUB K

KETUA PPK NIISe

SUB AB

SUB MAPO

SUB IM

SUB PDR

SUB KP

SUB IT

SUB PG

PUU

SUB SM

KE IPSOM

SUB PP

SUB PB

SUB PKK

SUB SPP

SUB ULPJK

SUB PPF

SUB UKOM

SUB ULP



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

---

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
JAWATANKUASA PENILAIAN (JKP)  
DI BAWAH PEKELILING  
PERBENDAHARAAN PEROLEHAN  
KERAJAAN 7 (PK7) DI IBU PEJABAT  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

---

**BAHAGIAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
(NOVEMBER 2022)**

## KANDUNGAN

| BIL. | PERKARA                                                                                                  | MUKA SURAT      |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1.   | Tujuan                                                                                                   | 1               |
| 2.   | Punca Kuasa                                                                                              | 1               |
| 3.   | Pelantikan dan Keanggotaan                                                                               | 2               |
| 4.   | Tanggungjawab<br>4.1 Penganjur (Urusetia)<br>4.2 Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penilaian (JKP)         | 2<br>2<br>3 - 4 |
| 5.   | Kuat Kuasa                                                                                               | 4               |
| 6.   | Lampiran 1 – Senarai Keahlian JKP di bawah Pekeliling Perbendaharaan PK 7 di Ibu Pejabat KDN – Pengerusi | 5               |
| 7.   | Lampiran 2 – Senarai Keahlian JKP di bawah Pekeliling Perbendaharaan PK 7 di Ibu Pejabat KDN – Ahli      | 6               |
| 8.   | Lampiran 3 – Kertas Pertimbangan JKP                                                                     | 7               |
| 9.   | Lampiran 4 – Jadual Pengiraan dan Perincian Kos                                                          | 8               |
| 10.  | Lampiran 5 – Borang Aku Janji Konflik Kepentingan KDN                                                    | 9               |
| 11.  | Lampiran 6 – Carta Aliran Pelaksanaan JKP                                                                | 10              |
| 12.  | Lampiran 7 – Kertas Keputusan JKP                                                                        | 11 - 12         |

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENILAIAN (JKP)**  
**DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN PEROLEHAN**  
**KERAJAAN 7 (PK7) DI IBU PEJABAT**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

**1. Tujuan**

Garis Panduan ini bertujuan memberi panduan bagi pelaksanaan Jawatankuasa Penilaian (JKP) di bawah Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan 7 (PK7) di Ibu Pejabat Kementerian Dalam Negeri (KDN).

**2. Punca Kuasa**

- 2.1 JKP ditubuhkan bagi menilai perolehan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PK 7 seperti berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Pekeliling</b> | <b>Nama Pekeliling</b>                                                                                            |
|-------------|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (a)         | PK 7.1            | Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/ Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan                         |
| (b)         | PK 7.2            | Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej                                                             |
| (c)         | PK 7.4            | Perolehan Penginapan, Makanan Dan Minuman Bagi Anggota Pentadbiran Dan Pegawai Awam Yang Melaksanakan Tugas Rasmi |
| (d)         | PK 7.5            | Perolehan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Untuk Mesyuarat Dalaman                                                |
| (e)         | PK 7.6            | Perolehan Berkaitan ICT Dan Rangkaian Internet                                                                    |
| (f)         | PK 7.7            | Perolehan Kenderaan                                                                                               |
| (g)         | PK 7.8            | Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan                                                    |
| (h)         | PK 7.9            | Perolehan Bahan Bakar Di Semenanjung Malaysia                                                                     |
| (i)         | PK 7.11           | Perolehan Bekalan/ Penghantaran Buku Cetakan/ Terbitan Dalam Dan Luar Negara                                      |
| (j)         | PK 7.14           | Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media                                                        |

- 2.2 Pertimbangan oleh JKP adalah berdasarkan Jadual Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah Kawalannya (AP 11) yang sedang berkuat kuasa.

### **3. Pelantikan dan Keanggotaan**

Setiap persidangan JKP hendaklah dianggotai oleh tiga (3) orang ahli yang dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal iaitu:

- (a) Seorang (1) Pengerusi yang terdiri daripada pegawai seperti senarai di **Lampiran 1**;
- (b) Dua (2) orang ahli yang terdiri daripada pegawai seperti senarai di **Lampiran 2**; dan
- (c) Pegawai di bahagian penganjur **tidak boleh menganggotai JKP** anjuran bahagian tersebut.

### **4. Tanggungjawab**

#### **4.1 Penganjur (Urusetia)**

Urusetia/ penganjur hendaklah memastikan proses penilaian mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PK 7 yang berkaitan. Tanggungjawab penganjur adalah seperti berikut:

- (a) Membuat kajian pasaran (jika berkenaan) dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
  - (i) Mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) sebut harga daripada pembekal berbeza yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF);
  - (ii) Cadangan pembekal hendaklah berada di dalam negeri yang sama atau kawasan berdekatan (yang munasabah); dan
  - (iii) Perbandingan dalam kumpulan/ rating yang sama/ bersesuaian.
- (b) Menyediakan Kertas Pertimbangan JKP seperti format di **Lampiran 3** yang lengkap dengan lampiran seperti berikut:
  - (i) Salinan kelulusan belanja/ memo jemputan/ arahan bertugas (mana yang berkenaan);

- (ii) Sekurang-kurangnya tiga (3) dokumen sebutharga daripada tiga (3) pembekal berbeza;
  - (iii) Jadual pengiraan dan perincian kos bagi tujuan perbandingan harga antara pembekal seperti di **Lampiran 4**; dan
  - (iv) Borang Aku Janji Konflik Kepentingan untuk dilengkapkan oleh Pengerusi dan Ahli JKP seperti di **Lampiran 5**.
- (c) Menguruskan persidangan JKP dan membentang Kertas Pertimbangan JKP untuk diputuskan oleh Pengerusi dan ahli-ahli yang dilantik. Carta alir pelaksanaan JKP seperti di **Lampiran 6**.
- (d) Mengemukakan keputusan dan laporan penilaian JKP seperti di **Lampiran 7** kepada Pihak Berkuasa Melulus seperti berikut:
- (i) Amaun RM20 ribu dan ke bawah: Permohonan Nota Minta yang lengkap kepada Bahagian KW bagi pengeluaran Pesanan Kerajaan (LO) selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum perolehan dilaksanakan atau program bermula; atau
  - (ii) Amaun melebihi RM20 ribu: Permohonan kepada Bahagian Perolehan (PL) untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga atau Lembaga Perolehan bagi pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) selewat-lewatnya 14 hari sebelum perolehan dilaksanakan atau program bermula. Bahagian Penganjur perlu membuat pemenuhan setelah SST diwujudkan dalam sistem ePerolehan bagi tujuan pengeluaran LO.
- (e) Memastikan LO dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan/program berlangsung.

#### 4.2 Pengerusi dan ahli JKP

Pengerusi dan ahli hendaklah bertanggungjawab dalam membuat penilaian berdasarkan perkara berikut:

- (a) Melengkapkan Borang Aku Janji Konflik Kepentingan;

- (b) Memastikan syarat perolehan/ tatacara kewangan di bawah Pekeliling Perbendaharaan berkaitan dipatuhi;
- (c) Memastikan kadar kelayakan seperti kadar makan minum dan penginapan mematuhi peraturan perolehan dan kewangan yang berkuat kuasa;
- (d) Memastikan jumlah tawaran harga pembekal tidak melebihi kelulusan belanja/ kadar kelayakan;
- (e) Menilai kemampuan penyedia/ pembekal/ syarikat dengan mengambil kira pelbagai faktor yang ditetapkan dalam pekeliling berkaitan seperti pendaftaran syarikat, status halal dan sebagainya;
- (f) Memperakukan pemilihan pembekal/ syarikat yang layak kepada Pihak Berkuasa Melulus berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan; dan
- (g) Perkara-perkara lain tertakluk kepada peraturan perolehan dan kewangan yang berkuat kuasa.

## 5. Kuat kuasa

- 5.1 Mana-mana Pekeliling Perbendaharaan lain yang mensyaratkan penilaian JKP boleh menggunakan pakai garis panduan ini tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling tersebut.
- 5.2 Garis panduan ini berkuat kuasa serta-merta.

## Lampiran 1

### SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA PENILAIAN (JKP) DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN PEROLEHAN KERAJAAN (PK) 7 DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

#### 1. Pengerusi

| PENGERUSI                                                     | BAHAGIAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|---------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P)<br>[Gred 52 ke atas] | 1 Bahagian Keselamatan (K)<br>2 Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (PKK)<br>3 Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (IT)<br>4 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (SM)<br>5 Bahagian Antarabangsa (AB)<br>6 Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan RELA (PDR)<br>7 Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)<br>8 Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset (KP)<br>9 Bahagian Hal Ehwal Imigresen (IM)<br>10 Pejabat Strategik Nasional (NSO) MAPO (MAPO)<br>11 Bahagian Komunikasi Korporat (UKOM)<br>12 Bahagian Perancangan Strategik (PG)<br>13 Bahagian Pembangunan (PB)<br>14 Pejabat Penapis Filem (PPF)<br>15 Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan (PP)<br>16 Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSONM)<br>17 Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP)<br>18 Urus Setia Lembaga Parol (ULP)<br>19 Urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah & Keganasan (ULPJK)<br>20 <i>Single Border Agency</i> (SBA)<br>21 Pejabat Pasukan Petugas Khas NIISe |

## Lampiran 2

### SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA PENILAIAN (JKP) DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN PEROLEHAN KERAJAAN (PK) 7 DI IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

#### 2. AHLI

| AHLI                                                            | BAHAGIAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-----------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P)<br>[Gred 41 hingga 48] | 1 Bahagian Keselamatan (K)<br>2 Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (PKK)<br>3 Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (IT)<br>4 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (SM)<br>5 Bahagian Antarabangsa (AB)<br>6 Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan RELA (PDR)<br>7 Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)<br>8 Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset (KP)<br>9 Bahagian Hal Ehwal Imigresen (IM)<br>10 Pejabat Strategik Nasional (NSO) MAPO (MAPO)<br>11 Bahagian Komunikasi Korporat (UKOM)<br>12 Bahagian Perancangan Strategik (PG)<br>13 Bahagian Pembangunan (PB)<br>14 Pejabat Penapis Filem (PPF)<br>15 Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan (PP)<br>16 Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSON)<br>17 Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP)<br>18 Urus Setia Lembaga Parol (ULP)<br>19 Urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah & Keganasan (ULPJK)<br>20 <i>Single Border Agency</i> (SBA)<br>21 Pejabat Pasukan Petugas Khas NIISe |

(Rujukan Bahagian)

**KERTAS PERTIMBANGAN JAWATANKUASA PENILAIAN (JKP)  
DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN PEROLEHAN  
KERAJAAN 7 (PK7) IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

**1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Penilaian, Kementerian Dalam Negeri bagi pemilihan pembekal ..... bagi Program ..... pada .....

**2. PERIHAL SEBUT HARGA**

- 2.1 Peruntukan diluluskan: RM .....
- 2.2 Baki Peruntukan Anggaran Belanja Mengurus OS..... – RM .....
- 2.3 Pengajur : Bahagian .....
- 2.4 Lokasi: Daerah, Negeri .....

**3. LAMPIRAN**

Lampiran yang disertakan bagi taklimat ini adalah;

- 3.1 Lampiran A : Salinan kelulusan belanja/ memo jemputan/ arahan bertugas (mana yang berkenaan);
- 3.2 Lampiran B : Sekurang-kurangnya tiga (3) dokumen sebut harga daripada tiga (3) pembekal berbeza;
- 3.3 Lampiran C : Jadual pengiraan dan perincian kos bagi tujuan perbandingan harga antara pembekal; dan
- 3.4 Lampiran D : Borang Aku Janji Konflik Kepentingan untuk dilengkapkan oleh Pengurus dan Ahli JKP.

Disediakan oleh,

---

Nama : .....  
Jawatan : .....  
No. Telefon : .....  
Tarikh : .....

## JADUAL PENGIRAAN DAN PERINCIAN KOS

Tajuk :

Tarikh :

Tempat :

Peruntukan Dipohon : RM

Bilangan Peserta : Bil. peserta (Gred 11-48)

Bilangan Urusetia : Bil. Orang

Bilangan Fasilitator : Bil. Orang

Bilangan Penceramah : Bil. Orang

Jemputan VVIP : Bil. Orang

Implikasi Kewangan :

Semenanjung Malaysia

| Bil                                                                                          | Gred                     | Elaun Makan (RM) | *Kadar Sewa Hotel (RM)   | Jumlah (RM) | Bilangan Peserta           | Bilangan Hari        | Kelayakan Jumlah Kelayakan (RM) | Pakej Hotel        |                   |
|----------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|------------------|--------------------------|-------------|----------------------------|----------------------|---------------------------------|--------------------|-------------------|
|                                                                                              |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 | Kadar Sebilik (RM) | Jumlah Pakej (RM) |
| <b>PESERTA</b>                                                                               |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 |                    |                   |
| 1                                                                                            | Utama/Khas A dan ke atas | 115.00           | Sebenar (Standard Suite) |             |                            |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 2                                                                                            | Utama/Khas B dan C       | 100.00           | Sebenar (Bilik Superior) |             |                            |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 3                                                                                            | 53 dan 54                | 85.00            | Sebenar (Bilik Biasa)    |             |                            |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 4                                                                                            | 45 - 52 - Siri II        | 60.00            |                          | 240.00      | 300.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 5                                                                                            | 41 - 44 - Siri I         | 45.00            |                          | 220.00      | 265.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 6                                                                                            | 27 - 40                  | 40.00            |                          | 200.00      | 240.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 6                                                                                            | 17 - 26                  | 40.00            |                          | 180.00      | 220.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 7                                                                                            | 11 - 16                  | 35.00            |                          | 160.00      | 195.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| Jumlah                                                                                       |                          |                  |                          |             |                            |                      | 0.00                            |                    | 0.00              |
| <b>PENCERAMAH &amp; URUSETIA</b>                                                             |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 |                    |                   |
| 1                                                                                            | Utama/Khas A dan ke atas | 115.00           | Bilik Biasa              |             |                            |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 2                                                                                            | Utama/Khas B dan C       | 100.00           |                          | 350.00      | 450.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 3                                                                                            | 53 dan 54                | 85.00            |                          | 350.00      | 435.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 4                                                                                            | 45 - 52 - Siri II        | 60.00            |                          | 240.00      | 300.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 5                                                                                            | 41 - 44 - Siri I         | 45.00            |                          | 220.00      | 265.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 6                                                                                            | 27 - 40                  | 40.00            |                          | 200.00      | 240.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 7                                                                                            | 17 - 26                  | 40.00            |                          | 180.00      | 220.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| 8                                                                                            | 11 - 16                  | 35.00            |                          | 160.00      | 195.00                     |                      | 0.00                            | 0.00               | 0.00              |
| Jumlah                                                                                       |                          |                  |                          |             | 0                          |                      | 0.00                            |                    | 0.00              |
| Jumlah Besar Penginapan (A)                                                                  |                          |                  |                          |             |                            |                      | 0.00                            |                    | 0.00              |
| <b>LAIN-LAIN</b>                                                                             |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 |                    |                   |
| Contoh : Pakej Seminar, Sewaan Dewan, Sewaan Peralatan ICT, dan Bayaran Penceramah/Perunding |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 |                    |                   |
| Bil.                                                                                         | Perkara                  |                  |                          |             | Kadar Sewaan/ Bayaran (RM) | Bilangan Orang/ Unit | Bilangan Hari                   | Jumlah (RM)        |                   |
| 1                                                                                            |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 | 0.00               |                   |
| 2                                                                                            |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 | 0.00               |                   |
| 3                                                                                            |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 | 0.00               |                   |
| Jumlah Besar Lain-lain (B)                                                                   |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 | 0.00               |                   |
| JUMLAH KESELURUHAN (A + B)                                                                   |                          |                  |                          |             |                            |                      |                                 | 0.00               |                   |

**Nota:**

Perbelanjaan berdasarkan sebutharga : RM

Perbelanjaan berdasarkan kadar pada PK7 : RM

Peruntukan disyorkan RM dengan syarat perbelanjaan di bawah OS29000

Kadar bayaran sewa hotel dan elaun makan adalah bagi Semenanjung Malaysia (berbeza bagi Sabah/Sarawak)

\*Kadar bayaran sewa hotel peserta bagi penganjuran kursus secara berpakej perlu ditetapkan tidak melebihi 80% daripada kadar kelayakan bayaran sewa hotel selaras dengan WP 1.10

## BORANG AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN KDN

### AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN KDN

Kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN):

1. Saya .....  
No. KP..... dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di KDN.
2. Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisyiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Jabatan dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.
3. Saya akur sekiranya mengingkari janji ini atau didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan Pegawai : .....


Nama : .....

Jawatan : .....

Tempat Bertugas : .....

Tarikh : .....

**CARTA ALIRAN**  
**PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENILAIAN (JKP)**



KERTAS KEPUTUSAN  
JAWATANKUASA PENILAIAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
PERAKUAN MELANTIK PEMBEKAL BAGI

PROGRAM .....  
DI..... PADA .....

Jawatankuasa Penilaian Kementerian Dalam Negeri, bersetuju / tidak bersetuju untuk menerima sebut harga daripada:

- PEMBEKAL 1/3 dengan tawaran sebut harga RM .....
- PEMBEKAL 2/3 dengan tawaran sebut harga RM .....
- PEMBEKAL 3/3 dengan tawaran sebut harga RM .....

Pengerusi:

( ..... )

Ahli:

.....  
( ..... )

Ahli:

.....  
( ..... )

**Justifikasi pemilihan:**

- Menawarkan harga terendah
- Mematuhi kadar kelayakan yang ditetapkan
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan
- Memenuhi keperluan pengguna
- Premis menyediakan kemudahan yang lebih kondusif dan mesra pengguna
- Lain-lain, nyatakan .....

**Jawatankuasa telah bersidang pada :** .....



## PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PENILAIAN IBU PEJABAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Saya, Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri selaku Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri dengan ini melantik pegawai di **Single Border Agency (SBA)** sebagai Ahli Jawatankuasa Penilaian sebagaimana yang ditetapkan dalam **Pekeliling Perbendaharaan PK 7** seperti berikut:

| NAMA JAWATAN                    | KEAHLIAN  |
|---------------------------------|-----------|
